



WAKAF KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH



(<http://mygift.ump.edu.my/index.php/ms/wakaf-kolej-kediaman>)



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



PROJEK 'MY FAMILY'



Masjid Universiti Malaysia Pahang

Projek "My Family" adalah suatu inisiatif pengumpulan barang keperluan asasi untuk disumbangkan kepada Staf dan Pelajar UMP yang memerlukan.

SASARAN PENERIMA:

**Staf
dan
Pelajar**
UMP yang memerlukan

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN SECARA :



atau



TUNAI ke dalam
TABUNG "MY FAMILY"
yang disediakan di Masjid UMP

Letakkan Barang Keperluan Asasi
di Ruang Pengumpulan "MY FAMILY"
yang disediakan di Masjid UMP



MAKLUMAT LANJUT:
ENCIK MUHAMMAD FARID 019-2374549



MyMoheS

5 SETARA-2017
EXCELLENT
Ministry of Higher Education
Star Rating (MyMoheS) 2017

MyRA®
EXCELLENT
Malaysia Research Assessment
Institutional Rating System (SETARA) 2017

EXCELLENT
Indeks Akademik Pengajian Kewangan
Jabatan Audit Negara

IKUTI KAMI :
 @pusatislamump
 pimpin.ump.edu.my

GENERAL (/GENERAL)

UMP Prihatin Salur Bantuan Kepada Keluarga
Warga

KUANTAN , 2 April – Prihatin dengan nasib kekuarga warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang memerlukan bantuan dan sebagai galakan menyuburkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan warga Universiti khususnya program berbentuk khidmat sosial, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) universiti ini menjayakan program MyFamily Charity Ride sempena berlangsungnya Karnival Mahabbah.

Program yang merupakan inisiatif pihak PIMPIN di bawah projek MyFamily ini mendapat sumbangan warga Universiti dan orang perseorangan sejak diperkenalkan tiga bulan lalu. Sumbangan yang diserahkan berbentuk wang ringgit serta barang keperluan harian seperti beras, tepung,susu,milo,sardin dan lain-lain barang keperluan kepada keluarga staf UMP yang di uji dengan dugaan hidup.

MyFamily Charity Ride kali ini disertai oleh 15 orang pelajar bermotosikal dan 7 orang kakitangan PIMPIN yang diketuai oleh Ustaz Muhammad Sallehudin Md Derus selaku Pengarah Karnival Mahabbah 9.0 serta pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan, Dr. Mohamed Nafis Osman Zahid.

Menurut Ustaz Muhammad Sallehudin fokus sumbangan kali terhadap warga kerja dan pelbagai program juga disediakan dalam usaha membantu pelajar dan keluarga asnaf sekitar kampus. Ini juga sebagai tanda ingatan dan prihatin warga UMP kepada golongan yang memerlukan.

“ Dalam menguruskan hal ini , kita mahu setiap sumbangan yang disalurkan oleh pelbagai pihak dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan dinikmati oleh penerima yang selayaknya” ujarnya.

Sementara itu, penerima sumbangan, Rosida Abdullah,44 yang mempunyai 3 orang anak gembira dan berterima kasih atas sumbangan yang diberikan. Ianya pasti dapat meringankan beban keluarga yang ditanggung setelah kehilangan suami yang merupakan kakitangan di Bahagian Keselamatan UMP Pekan.

Penganjuran program MyFamily ini akan diteruskan pada masa hadapan dengan harapan lebih banyak lagi sumbangan dapat disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Kepada warga Universiti dan orang ramai yang ingin turut serta dalam program ini, sumbangan boleh disalurkan dengan meletakkan barang keperluan asas atau menyumbang ke tabung “MyFamily” di Masjid UMP Pekan dan UMP Gambang.

Disediakan Mohammad Hakimi Kamarudin dari Bahagian Komunikasi Korporat